

17/09/1999

Malaysia sedia bincang EAGA

Zulkofli Jamaluddin; Seri Intan Othman

TUARAN, Khamis - Malaysia sentiasa bersedia mengadakan perbincangan mengenai kerjasama Kawasan Pertumbuhan Ekonomi Asean Timur (EAGA), tetapi Filipina dan Indonesia, yang menjadi rakan dialog kurang bersedia kerana tidak mempunyai masa.

Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainudin, berkata hanya Brunei dan Malaysia yang nampaknya bersedia untuk membincangkan kerjasama pelancongan, perikanan dan pertanian di bawah EAGA.

Beliau yang juga Bendahari Umno, bagaimanapun berkata, mesyuarat peringkat pegawai kanan akan diadakan bulan depan atau November ini untuk membincangkan kerjasama itu.

"Besarnya kemungkinan ia akan ditunda juga kerana Filipina dan Indonesia tidak dapat hadir.

"Australia pula akan mengadakan satu mesyuarat di Australia dan menjemput semua ke sana. Saya tidak dapat hadir kerana kita sibuk dengan kerja lain," katanya selepas membentangkan kertas kerja pada Konvensyen Pemuda Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini.

Turut hadir pada konvensyen selama lima hari itu ialah Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau yang juga Menteri Kewangan Pertama, mengulas kenyataan bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos yang meminta Malaysia lebih aktif untuk menggerakkan kerjasama itu.

Ramos yang melawat Malaysia baru-baru ini mahu negara meningkatkan pelaburan dalam sektor pelancongan dan pertanian di negara itu.

Daim berkata, Filipina dan Indonesia menumpukan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kerana Australia banyak melabur di kedua-dua negara berkenaan.

Serentak itu, Daim memberi jaminan Malaysia dan Brunei yang menjadi sekretariat sentiasa bersedia berbincang mengenai EAGA.

"Malaysia bukan tidak ada iltizam. Kawasan ini kita yang mula menggerakkannya. Kita punyai hotel dan ladang kelapa sawit di sana.

"Bagaimanapun, mereka lebih mengutamakan Apec dan mereka juga lambat terutama perkara membabitkan pertukaran undang-undang yang mengambil masa lama," katanya.

Mengenai konvensyen Pemuda, Daim berkata mereka perlu membantu mengekalkan perpaduan agar rakyat dapat bekerja dalam keadaan selesa untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

"Tahap BN lebih tertumpu kepada kebendaan adalah tidak berasas. Jika seseorang itu berkemampuan berniaga, ia berniaga. Jika tidak mampu, mereka buat kerja lain.

"Yang terbabit dalam politik sepenuh masa juga ada. Itu perkara biasa," katanya sambil menambah kini ekonomi Malaysia sudah beransur pulih dan membuat rakyat boleh tersenyum semula.

Daim berkata, kerajaan tidak boleh mengehadkan kebolehan seseorang itu, jika ia tumpu kepada perniagaan, kerajaan akan menggalakkan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Ditanya apakah pemulihan ekonomi baik untuk diadakan pilihan raya, beliau berkata, kerajaan percaya pemulihan ekonomi akan berterusan dan terpulang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bila hendak umumkan pilihan raya.

"Kita tidak campur tangan dalam soal itu. Mungkin (Perdana Menteri)

belum ada ilhan lagi agaknya.

"Insya-Allah ekonomi akan bertambah baik. Tanda-tanda menunjukkan tahun depan ekonomi lebih baik dari tahun ini. Sekarang pun setiap bulan angka menunjukkan pemulihan," katanya.

Beliau berkata, sekiranya rakyat terus bekerja kuat dan produktiviti meningkat, negara boleh mengeksport keluaran untuk mengukuhkan ekonomi Malaysia.

(END)